

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN DAN
PERBANDARAN RENDAH KARBON BIL. 2/2020,
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG.**

Tarikh : 22hb. Disember 2020 (Selasa)
Masa : 9.00 Pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Cempaka Putih 1,
Tingkat 7A, Menara MPKj**

Yang Hadir :

1. Dato' Haji Zul-Kefli@Zulkefli Bin Khalid *DPMS, SIS* - Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang (***Pengerusi Mesyuarat***)
2. Tuan Mohd Raiz bin Radzuan *AMS* - Timbalan Yang Dipertua, MPKj
3. Encik Muhammad Hanafi Bin Jalaluddin - Ahli Majlis, MPKj (***Secara dalam talian***)
4. Puan Nor Zulaila Binti Abd Ghani - Ahli Majlis, MPKj (***Secara dalam talian***)
5. Encik Tan Tee Guan - Ahli Majlis, MPKj (***Secara dalam talian***)
6. Encik Raman a/l Elangovan - Ahli Majlis, MPKj (***Secara dalam talian***)
7. Datuk TPr. Nizam Bin Sahari, *DPSM* - Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj (***Setiausaha Mesyuarat***)
8. ASP. Tiew Swee Kim - IPD Kajang (***Secara dalam talian***)
9. Puan Noraffizah Binti Suhaini - PLANMalaysia@Selangor (***Secara dalam talian***)
10. Puan Dayang Suhana Binti Shukor - Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN (***Secara dalam talian***)
11. Puan Norfarhana Binti Mohd Yusoff - Malaysia Green Technology Corporation (Greentech Malaysia) (***Secara dalam talian***)
12. Puan Noradzilah Binti Noroden - Jabatan Kebajikan Masyarakat (***Secara dalam talian***)
13. Encik Mohd Shah Hambali Bin Arifin - Sustainable Energy Development Authority (SEDA) (***Secara dalam talian***)

14. Encik Ahmad Dzulkarnain Bin Mohamad Tarmizi - Pejabat Perpaduan Daerah Hulu Langat (***Secara dalam talian***)
15. Encik Rajani Bin Rajimin - Jabatan Khidmat Pengurusan, MPKj
16. Puan Noryati Binti Anuar - Jabatan Undang-Undang, MPKj (***Secara dalam talian***)
17. Puan Maliani Binti Man - Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Khidmat Pengurusan, MPKj (***Secara dalam talian***)
18. Puan Eгна Francis Gitom - Unit Pusat Setempat, MPKj
19. Encik Mahyudin Bin Zainy - Bahagian M & E, Jabatan Kejuruteraan, MPKj
20. Puan Zakiah Hani Binti Ahmad Bustamam - Jabatan Kawalan Bangunan,MPKj
21. Encik Mohd Zikri Bin Ibrahim - Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan,MPKj
22. Encik Azirin Azali Bin Ramli - Jabatan Penguatkuasaan,MPKj
23. Encik Faizol Bin Hatzri - Jabatan Lanskap Dan Rekreasi,MPKj
24. Puan Norehan Binti M. Zahidi - Jabatan Perancangan Korporat,MPKj
25. Encik Nasaruddin Bin Muhammad - Jabatan Kejuruteraan, MPKj
26. Encik Mohamad Shamir Bin Md Isa - Jabatan Lanskap dan Rekreasi,MPKj
27. Encik Khairul Naeim Bin Mohamed - Unit Audit Dalaman, MPKj (***Secara dalam talian***)
28. Encik Norazman Bin Ismail - Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPKj (***Secara dalam talian***)

Urusetia:

29. TPr. Low Kar Yong - Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj
30. Encik Norsaini bin Mat Isa - Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj
31. Cik Umi Noor Aqila Binti Zakaria - Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj

1.0 UCAPAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran kepada semua ahli mesyuarat.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan beberapa perkara yang akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Mampan Dan Perbandaran Rendah Karbon bil. 2/2020 adalah meliputi isu seperti berikut :
 - i. Program Bandar Selamat
 - ii. Program Perbandaran Rendah Karbon (LCCF)
 - iii. Program Orang Kurang Upaya (OKU)

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN DAN PERBANDARAN RENDAH KARBON MAJLIS PERBANDARAN KAJANG BIL.1/2020

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Mampan Dan Perbandaran Rendah Karbon Bil.1/2020 yang telah bersidang pada 24hb Ogos 2020 disahkan sebulat suara.

3.0 PROGRAM BANDAR SELAMAT

- 3.1. **Pembentangan Laporan Statistik Jenayah Kawasan Majlis Perbandaran Kajang oleh wakil Ibu Pejabat Daerah (IPD) Kajang:**
 - 3.1.1 Wakil IPD Kajang memaklumkan bahawa jumlah index kes jenayah bagi bulan Januari hingga November 2020 adalah 1810 kes jenayah berbanding Januari hingga November 2019 adalah 2093. Jumlah Kes jenayah iaitu penurunan sebanyak 13.52% kes. Tahun 2020 jenayah melibatkan harta benda adalah 1386 kes dan antara kes jenayah yang paling kerap berlaku adalah kes kehilangan motosikal iaitu lebih kurang 500 kes. Pihak polis berpendapat agar program pemberian kunci motosikal yang dijalankan bersama Majlis Perbandaran Kajang dan agensi-agensi yang terlibat sebelum ini adalah penting dan harus diteruskan.

Tindakan: Makluman

3.2. Pembentangan Laporan Pelaksanaan Program Bandar Selamat Tahun 2020 :

- 3.2.1 Pihak urusetia memaklumkan Program Pemberian Alat-Alat Keselamatan telah dilaksanakan pada 14 Disember 2020 dengan perbelanjaan sebanyak RM8,000. Pemberian alat-alat keselamatan iaitu baju vest keselamatan, topi, lampu suluh dan wisel diberikan kepada Persatuan Penduduk/ KRT / JMB yang terlibat menjalankan aktiviti rondaan di kawasan kejiranan yang dicadangkan oleh Ahli Majlis.
- 3.2.2 Pihak urusetia memaklumkan bahawa sepanjang tempoh Januari 2020 hingga November 2020 terdapat 37 projek pembangunan disyaratkan bagi penerapan Konsep Pencegahan Jenayah dan jumlah projek bagi tahun 2020 adalah berkurangan berbanding tahun 2019 disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan wabak pandemik Covid 19 .

*Tindakan: Jabatan Perancangan
Pembangunan, MPKj
dan IPD Kajang*

4.0 PROGRAM PERBANDARAN RENDAH KARBON (LCCF)

4.1 Pelaporan Program Dan Penyediaan Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Majlis Perbandaran Kajang Tahun 2018 hingga Jun 2020 :

Audit Tenaga Menara MPKj

- 4.1.1 Pihak urusetia memaklumkan bahawa bangunan menara MPKj telah menerima pengiktirafan 1 berlian "Greenpass Operation" telah diterima pada 24hb Ogos 2020 oleh SEDA diatas inisiatif MPKj yang telah berjaya mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 4.73% bersamaan 60.15tan CO2/setahun. Usaha untuk mendapatkan lebih pengiktirafan ini akan dipertingkatkan dari masa ke semasa.
- 4.1.2 Wakil daripada bahagian M&E Jabatan Kejuruteraan MPKj memaklumkan bahawa usaha untuk menurunkan kadar perlepasan karbon ini untuk bangunan menara MPKj ini sedang dilaksanakan dengan melakukan kerja-kerja penukaran lampu LED bermula dengan di tingkat 5 menara MPKj.

- 4.1.3 Wakil daripada Bahagian M&E, Jabatan Kejuruteraan, MPKj diminta mempercepatkan proses pembayaran bagi kerja-kerja audit tenaga Menara MPKj oleh perunding SEDA agar hasil kajian dapat dibenteng dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan: Bahagian M&E, Jabatan Kejuruteraan, MPKj

Cabaran LCC 2030 MPKj

- 4.1.4 Wakil Jabatan Perbandaran Persekitaran dan Kesihatan MPKj melaporkan hasil kutipan sisa pepejal sejak 16hb Mac 2018 hingga akhir November 2020 adalah sebanyak 669.85 tan yang merangkumi kutipan kompos sebanyak 573.85 tan, kutipan minyak masak terpakai 57.50 tan dan kutipan kitar semula sebanyak 38.50 tan.
- 4.1.5 Jabatan Perbandaran Persekitaran dan kesihatan MPKj juga memaklumkan bahawa telah menyediakan satu pusat kitar/E-waste semula komuniti menggunakan kabin yang telah di laksanakan di Taman Impian Setia, Saujana Impian dan Taman Semenyih Indah menggunakan peruntukan daripada Stanco Alam Sekitar dan LA21.
- 4.1.6 Pihak urusetia memaklumkan terdapat satu (1) cadangan penambahan iaitu elemen tenaga dalam elemen pengukuran di dalam kawasan LCCF sedia ada (Seksyen 9, Bandar Baru Bangi). Tahun 2019 adalah tahun asas (Baseline) untuk elemen tenaga ini dan pencapaian diamond akan diambilkira pada tahun 2021.
- 4.1.7 Wakil Bahagian M&E, Jabatan Kejuruteraan, MPKj memaklumkan penukaran lampu konvensional kepada lampu LED bagi lampu-lampu jalan di di Pusat Bandar Seksyen 9, Bandar Baru Bangi. Permohonan peruntukan untuk menggantikan 137 lampu HPSV kepada lampu LED telah diluluskan melalui Mesyuarat ISF dan kini di dalam proses pengiklanan.
- 4.1.8 Bahagian M&E Jabatan Kejuruteraan, MPKj diminta menyediakan data bil elektrik bulan Jan-Dis 2020 bagi tujuan pelaporan data asas dan bil elektrik bulan Jan-Dis 2021 selepas penukaran lampu LED bagi mendapatkan perbandingan untuk tujuan pengiktirafan berlian daripada Greentech Malaysia.

Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan dan Bahagian M&E, Jabatan Kejuruteraan MPKj

LCC Partners MPKj

4.1.9 Pihak urusetia memaklumkan cadangan LCC Partners MPKj di kawasan Pusat Bandar Seksyen 9 (sediada) dan terdapat maklumbalas diterima dari beberapa agensi untuk LCC Partners seperti :

- i. Bangunan Komersial - EVO Mall dan Hotel Tenera
- ii. Bangunan Kerajaan - Balai Polis Bandar Baru Bangi dan JPJ Bangi
- iii. Sekolah - SK Jalan Enam, SK Jalan Tiga, SMK Jalan Tiga dan SMK Jalan Empat.
- iv. Universiti/Pusat latihan - Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)

4.1.10 Dato' pengerusi mencadangkan supaya LCC Partners MPKj diperluaskan kawasan dan pelbagai kategori bukan sahaja di Bandar Baru Bangi tetapi diseluruh kawasan yang berpotensi di dalam pentadbiran termasuk kategori rumah ibadat seperti Masjid dan surau.

4.1.11 Encik Muhammad Hanafi bin Jalalludin Ahli Majlis, MPKj memaklumkan bahawa akan membantu bagi mendapatkan lebih ramai agensi yang boleh terlibat didalam LCC partners MPKj ini.

***Tindakan: Jabatan Perancangan
Pembangunan, MPKj***

Peruntukan Direct Grant Teknologi Hijau UPEN Selangor

4.1.12 Pihak urusetia memaklumkan permohonan peruntukan kepada pihak UPEN Selangor bagi Pelaksanaan Program Teknologi Hijau tahun 2020 adalah seperti berikut :

- i. Pemasangan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) di Tandas Awam Taman Tasik Cempaka dengan Peruntukan Sebanyak rm25,000.00.
- ii. Cadangan 3 kebun komuniti Vertikal Garden rooftop dengan peruntukan sebanyak rm25,000.00

4.1.13 Kedua-dua program tersebut telah disiapkan dan laporan kerja telah dihantar kepada UPEN selangor untuk makluman.

Tindakan: Makluman

Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035

4.1.14 Pihak urusetia membentangkan cadangan pelaksanaan program Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035 bagi Fasa 1 (2020 - 2025) yang telah dilaksanakan seperti berikut :

Bil.	Program/Projek	Jabatan/Agensi	Maklumbalas
1.	Penanaman pokok	Jabatan Lanskap dan Rekreasi,MPKj	Jabatan Lanskap telah menanam 168 batang pokok teduhan dan pokok buah-buahan nadir di Persiaran Kenanga, Perisaran Pusat Bandar dan Taman Tasik Cempaka, Sek. 9 Bandar Baru Bangi.
2.	Mensyaratkan ciri-ciri rekabentuk indeks bangunan hijau dan kejiranan hijau dalam kelulusan kebenaran merancang, pelan infra dan pelan bangunan	Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj Jabatan Kawalan Bangunan, MPKj Jabatan Kejuruteraan, MPKj.	Pihak jabatan yang berkaitan akan mensyaratkannya didalam pelan-pelan kelulusan MPKj.
3.	Menggalakkan penggunaan basikal dengan mengadakan program seperti 'car free day', cycling road tour dan lain-lain	Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat, MPKj Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj	Tidak dapat dilaksanakan bagi tahun 2020 kerana mematuhi arahan MKN berkaitan PKPB bagi mengekang wabak covid 19
4.	Penyediaan laluan pejalan kaki sepanjang 14.15km	Jabatan Lanskap dan Rekreasi,MPKj Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj	Kertas cadangan penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal 1km diantara Seksyen 2 dan 3 Bandar Baru Bangi telah disediakan.

5.	Program kebun Komuniti	Jabatan Lanskap dan Rekreasi,MPKj Jabatan perancangan pembangunan, MPKj	Sebanyak 4 kebun komuniti telah dilaksanakan di bandar baru bangi seperti berikut: i. Persatuan Komuniti Sek.8 ii. Taman D8 Sek.8 tambahan iii. Persatuan Penduduk Jalan 4/3, Sek.4 iv. Surau As-Sobah, Sek 3.
6.	Kempen tanam semula pokok di sepanjang sungai langat	Jabatan Lanskap dan Rekreasi,MPKj Jabatan Korporat& Pembangunan Masyarakat, MPKj JPS,LUAS,IWK GREENTECH	MPKj dan LUAS serta IWK telah melaksanakan Program hari Sungai Sedunia Peringkat Negeri Selangor pada 26 September 2020 di Taman Permainan Sri Tanjung Sek. 7, Bandar Baru Bangi, Kajang iaitu di sepanjang Sungai Air Hitam. Greentech Malaysia telah melaksanakan gotong royong membersihkan sungai air hitam pada 19 Disember 2020
7.	menghebahkan penyediaan pengangkutan awam melalui media massa secara berkala	Jabatan Korporat& Pembangunan Masyarakat, MPKj Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj Bahagian Teknologi Maklumat MPKj Agensi Syarikat Pengangkutan Awam	Hebahan telah dilaksanakan melalui laman web rasmi MPKj dan billboard di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi.
8.	Pusat kitar semula/E-waste	Bahagian Pengurusan Projek, MPKj Jabatan Persekitaran Perbandaran dan Kesihatan MPKj	Kertas cadangan pembinaan pusat kitar semula/ E-waste di taman tasik cempaka telahpun disediakan.

9.	Penyediaan tong pengumpulan minyak masak terpakai dan kompos di kawasan komuniti yang bersesuaian	Jabatan Persekitaran Perbandaran dan Kesihatan MPKj	Tong minyak masak terpakai telah diedarkan kepada pemilik premis makanan di Pusat bandar sek.9 bandar baru bangi.
10.	Menukar lampu-lampu jalan yang diselenggara oleh mpkj kepada lampu cekap tenaga secara berperingkat.	Jabatan kejuruteraan MPKj.	Pemasangan 137 unit lampu LED di Sek.9 bandar baru bangi. Permohonan peruntukan telah diluluskan melalui mesyuarat ISF pada jan 2020
11.	Mewajibkan semua bangunan kerajaan untuk mengawal suhu minimum 24 celcius sepanjang operasi	Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj	Surat hebahan telah dipanjangkan kepada 39 agensi kerajaan pada 14 sept.2020
12.	Melaksanakan program pagi tanpa kenderaan setiap tahun	Jabatan Korporat& Pembangunan Masyarakat, MPKj Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj	Tidak dapat dilaksanakan bagi tahun 2020 kerana mematuhi arahan MKN berkaitan PKPB bagi mengekang wabak covid 19
13.	Mengadakan pertandingan rendah karbon dan mempromosikan pertandingan di media sosial	Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj Jabatan Persekitaran Perbandaran dan Kesihatan MPKj	Pertandingan yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 - Anugerah Sekolah Hijau - Pertandingan kutipan minyak masak terpakai
14.	Menubuhkan ahli jawatkuasa bagi pertandingan rendah karbon	Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj	Jawatankuasa urusetia dan penilaian telah di ditubuhkan di peringkat MPKj
15.	Menggalakkan orang awam/agensi untuk menyertai program LCCF dan	Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj	Program penyerahan tong kitar semula kepada 9 agensi LCC partners telah diadakan pada 24 november 2020

	pengiktirafan dari kerajaan persekutuan/negeri dan lain-lain	Jabatan Persekitaran Perbandaran dan Kesihatan MPKj	
16.	Mempromosikan informasi perbandaran rendah karbon di papan iklan/papan tanda informasi digital.	Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj	Telah dipromosikan melalui papan tanda digital di seksyen 9, Bandar baru bangi dan pindaan moto papan tanda dalam kawasan bandar baru bangi iaitu Bandar Baru Bangi Bandar Rendah Karbon 2035”

4.1.15 Pengerusi mencadangkan agar program kebun komuniti di selia dan diserahkan kepada Jabatan Lanskap dan Rekreasi MPKj agar pemantauan dapat dilaksanakan dan memastikan program kebun ini dapat memberi menafaat kepada penduduk setempat.

4.1.16 Pihak urusetia memaklumkan agar segala program atau aktiviti yang dijalankan di bawah pelan tindakan perbandaran rendah karbon ini dimaklumkan kepada Jabatan Perancangan Pembangunan bagi tujuan pelaporan dan rekod.

Tindakan: Semua Jabatan teknikal yang disenaraikan

5.0 PROGRAM ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

5.1. Pelaporan Status Permohonan Pelekat Kenderaan (OKU) Kawasan Majlis Perbandaran Kajang

5.1.1 Pihak urusetia memaklumkan pelekat kenderaan OKU boleh diperolehi secara percuma di Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat. Jumlah pelekat kenderaan OKU dikeluarkan pada tahun 2019 adalah sebanyak 512 manakala bagi bulan Januari hingga November tahun 2020 adalah sebanyak 344. Tempoh sah laku pelekat adalah selama 2 tahun dan caj tempat letak kereta adalah percuma serta boleh digunakan di dalam semua kawasan PBT Negeri Selangor.

5.1.2 Wakil daripada Jabatan kawalan Bangunan MPKj melaporkan Audit Akses Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) dijalankan oleh pihak Jabatan Kerajaan di Menara MPKj dan Taman Tasik Cempaka pada 26 Februari 2020. Terdapat beberapa perkara diberi teguran oleh juruaudit seperti penyediaan kemudahan letak kereta OKU, akses, railing dan ramp.

Tindakan: Makluman

- 5.1.3 Pengerusi mencadangkan maklumat kemudahan tempat letak kereta OKU yang disediakan dalam kawasan pentadbiran MPKj dapat dipamerkan secara bergambar ke dalam website MPKj bagi memberi informasi khasnya pengguna OKU.

Tindakan: **Jabatan Kejuruteraan, MPKj**

6.0 HAL-HAL LAIN

- 6.1 Majlis Perbandaran Kajang telah mendapat sijil Bandar Mampan dari PlanMalaysia dengan pencapaian 10 Pihak Berkuasa Tempatan terbaik bagi katogeri perbandaran di peringkat kebangsaan.

7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

- 7.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir kerana bersama-sama berbincang demi kebaikan masyarakat. Mesyuarat ditangguhkan pada 10.50 pagi.

Disediakan oleh :



(NORSAINI BIN MAT ISA)
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (K),
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Perbandaran Kajang.
Tarikh:

Disemak oleh :



(DATUK TPr. NIZAM BIN SAHARI, DPMS)
Pengarah,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Perbandaran Kajang.
Tarikh:

Disahkan oleh:



(DATO' HAJI ZUL-KEFLI@ZULKEFLI BIN KHALID DPMS, SIS)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang.
Tarikh: 22/1/21